



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

11 Oktober 2021
4 Rabi'ulawal 1443H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Ketam nipah kini makanan premium
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			32	11/10/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL				

32

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 11 OKTOBER 2021

Dalam Negeri



IZMAN Fikri Mohamad menunjukkan ketam gred A yang dijual di geraianya di Kampung Kuala Semerak, Pasir Puteh, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

Ketam nipah kini makanan premium

Oleh **TOREK SULONG**
utusannews@mediamulla.com.my

PASIR PUTEH: Ketam nipah dikatakan luar biasa laris ketika musim pandemik Covid-19, menjadikan harganya melambung tinggi mencecah RM80 sekilogram berbanding RM40 hingga RM50 sekilogram sebelum ini.

Selain dicari pembeli untuk dijadikan penawar kepada demam denggi, ketam tersebut kini menjadi rebutan kerana ada yang percaya ia berupaya menjadi rawatan alternatif kepada pesakit Covid-19.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penjual ketam di Lagun Kuala Semerak, di sini, Izman

Fikri Mohamad, 20, berkata, dia tidak tahu sejauh mana kesahihan khabar angin itu yang didengarinya dari pelanggan.

Namun katanya, disebabkan khabar angin itu, ketam nipah kini berharga premium dan jika dibeli borong dalam kuantiti yang banyak di mana-mana lokasi sekalipun, harganya tetap mahal.

"Harga pasaran ketam gred A mencanak sehingga RM80 untuk sekilogram iaitu dalam dua atau tiga ekor ketam bersaiz besar manakala ketam gred B RM70 sekilogram dan gred C RM55 sekilogram.

"Ketam saiz kecil pula harganya antara RM35 hingga RM45 sekilogram" katanya ketika ditemui di geraianya di sini semalam.

Izam Fikri berkata, sebelum ini dia hanya mendapatkan bekalan ketam nipah di sekitar Sungai Semerak namun disebabkan permintaan tinggi, dia terpaksa mencarinya sehingga ke Setiu, Terengganu.

Dalam sehari, sejumlah 200 kilogram ketam laris terjual, sama ada kepada pembeli yang membuat tempahan dalam talian ataupun orang ramai yang singah di geraianya yang terletak di tepi Jalan Tok Bali - Kuala Besut.

"Kalau dahulu ketam nipah gred A harganya cuma RM40 hingga RM50 sekilogram. Saya tidak sangka harganya boleh melambung tinggi hingga RM80 sekilogram di musim pandemik Covid-19 ini," katanya.